

HUBUNGI SKUAD TAMPIN REMBAU NOR AINNA HAMZAH - 019-6203738

Dermawan biaya bina masjid

Tabur bakti di kampung halaman sendiri

NOR AINNA HAMZAH

REMAU

Seorang anak jati Kampung Penajis yang kini berpangkat Datuk menabur bakti buat penduduk apabila mewakafkan kos pembinaan masjid baharu di perkampungan berkenaan bernilai kira-kira RM1.5 juta.

Dermawan berhati mulia yang tidak ingin dikenali itu merupakan seorang ahli korporat yang telah berjaya dan kembali memberi sumbangan kepada kampung halaman sendiri.

Menurut Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan



Penduduk tidak melepaskan peluang bergambar bersama Mohamad (hadapan, dua kanan).

(Mains) merangkap Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, pihaknya amat mengalu-alukan konsep wakaf dan berharap konsep berkenaan dapat diperluaskan lagi dalam pembinaan masjid

"Saya nak kembangkan wakaf ini... ada pihak yang

tampil menyumbangkan kepakaran konsultan bernilai kira-kira RM200,000 bagi pembinaan masjid di negeri ini, baru-baru ini.

"Tak kiralah wakaf apapun, wakaf tanah, wakaf duit, wakaf kepakaran, ilmu dan sebagainya, usaha seperti ini

wajar dicontohi. Sebelum ini, Masjid Dr Hj Mohammad Eusuff Teh di Pedas juga adalah hasil daripada wakaf," katanya sempena Majlis Penyerahan dan Pengisytiharan Masjid Kariah Kampung Penajis, kelmarin.

Turut hadir, Adun Kota,



Mohamad menyerahkan cenderamata kepada kariah masjid.

Datuk Seri Dr Awaluddin Said.

Pada majlis itu, Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad telah mengisytiharkan kebenaran solat Jumaat di masjid baharu berkenaan.

Sementara itu, Mohamad

menasihatkan masyarakat setempat untuk mengimarahkan masjid dengan pelbagai aktiviti yang mampu menarik penglibatan pelbagai peringkat golongan masyarakat.

"Masjid yang cantik kena imarahkan, jangan jadi simbol sahaja," katanya.